

7.10.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

EMPANGAN TELUK BAHANG: KAPASITI EFEKTIF MENINGKAT 6.6% DALAM SEBULAN TETAPI MASIH SANGAT RENDAH

- **Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang meningkat daripada 16% (5.9.2020) kepada 22.6% (6.10.2020). Sasaran adalah untuk kapasiti efektif mencapai 45% pada 31.12.2020 bagi memastikan kecukupan air pada musim kemarau 2021.**

PULAU PINANG, Rabu, 7.10.2020: Sepanjang bulan lalu, hujan telah meningkatkan kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang sebanyak 6.6%, daripada 16% pada 5.9.2020 kepada 22.6% pada 6.10.2020.

Peningkatan ini juga disebabkan oleh kejayaan pelaksanaan projek kontingensi air mentah Sungai Pinang oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sejak 10 September 2020.

Hasil projek kontingensi ini, Empangan Teluk Bahang kini diisi semula dengan air mentah dari dua kawasan tadahan air: Kawasan Tadahan Air Teluk Bahang dan Kawasan Tadahan Air Sungai Pinang.

Air mentah dari Kawasan Tadahan Air Sungai Pinang (sekitar 8.6km jaraknya) disalurkan ke empangan melalui saluran paip 450mm. Jangkaan hasil adalah 10 juta liter sehari (JLH).

Belum keluar dari zon bahaya

Walaupun begitu, PBAPP amat bimbang dengan kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang yang sangat rendah.

Kami mensasarkan kapasiti efektif bagi Empangan Teluk Bahang mencapai 45% pada 31.12.2020 sebagai persediaan untuk musim kemarau berikutnya di

Pulau Pinang, yang dijangka bermula Januari 2021.

Harap maklum, pada 1.1.2020, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang adalah 41.8%. Dengan paras kapasiti efektif ini, kami berjaya mengharungi musim kemarau, dari Januari hingga Ogos 2020.

Oleh itu, kita harap Empangan Teluk Bahang dapat mencapai kapasiti efektif 45% atau lebih pada 31.12.2020, bagi memastikan perkhidmatan bekalan air yang normal dalam tempoh Januari hingga Ogos 2021.

Dalam keadaan sekarang, kita belum keluar dari zon bahaya.

Lebih banyak hujan dan pembenihan awan diperlukan untuk mengisi semula empangan

Apa yang pasti, lebih banyak hujan (di Kawasan Tadahan Teluk Bahang dan Sungai Pinang) diperlukan untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang. Ini adalah satu-satunya cara untuk mengisi semula empangan ke paras yang lebih selamat sebelum akhir tahun ini.

Walaupun berlakunya hujan baru-baru ini, PBAPP telah menasihati Kerajaan Negeri Pulau Pinang, adalah kurang bijak untuk bergantung sepenuhnya pada hujan semula jadi untuk mengisi semula empangan.

Awal tahun ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air utama di Pulau Pinang dan Kedah. Lapan daripada 16 operasi pembenihan awan telah ditangguhkan sejak Julai 2020, kerana masalah teknikal.

Yang jelas, kontraktor pembenihan awan yang disyorkan oleh MetMalaysia, AFJETS, belum menerima "suar" yang diperlukan untuk pembenihan awan dari kontraktor MetMalaysia yang lain, MTO. Oleh itu, semua operasi pembenihan awan untuk Pulau Pinang pada bulan Ogos dan September 2020 ditangguhkan.

Ketika pertemuan dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) di Putrajaya pada 24.9.2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memohon agar kementerian dapat berhubung dengan MetMalaysia untuk mempercepat baki 8 operasi pembenihan awan.

8 operasi pembenihan awan yang tertangguh ini akan mensasarkan kawasan tadahan air di Empangan Teluk Bahang. Oleh itu, operasi ini adalah operasi kritikal yang mesti dilakukan sebelum 31.12.2020, untuk mengisi semula empangan dengan air hujan sebanyak mungkin.

Pengguna-pengguna perlu menggunakan air secara berhemat

Lebih 80% air mentah yang diabstrak oleh PBAPP setiap hari untuk operasi bekalan air di seluruh negeri datangnya dari Sungai Muda di Seberang Prai. Pada 6.10.2020, paras air Sungai Muda adalah memuaskannya pada 2.46m, sementara kapasiti efektif Empangan Mengkuang (empangan rizab strategik utama kemarau Pulau Pinang) adalah 89.0%.

Sementara, Empangan Teluk Bahang adalah komponen penting dalam sistem bekalan air yang kepada hampir 38,000 akaun air di kawasan Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan sekitar Tanjung Bungah. Sejak beroperasi pada tahun 1999, empangan ini telah membantu mengekalkan bekalan air yang berterusan untuk penduduk yang tinggal di kawasan pelancongan di Pulau Pinang.

Sebab utama “status abnormal” Empangan Teluk Bahang hari ini adalah hujan yang sangat rendah dalam tempoh 1.9.2019 – 18.9.2020. Dalam tempoh ini, jumlah hujan yang dicatat di kawasan tadahan air empangan adalah 4,545 mm. Jumlah hujan ini adalah 33.8% lebih rendah daripada purata hujan 6,863 mm dalam tempoh yang sama untuk 3 tahun iaitu tahun 2017, 2018 dan 2019. Fenomena hujan yang lebih rendah ini berkemungkinan besar berpunca daripada perubahan iklim.

Sebaliknya, PBAPP telah mengoptimumkan pengeluaran air mentah harian dari empangan, agar kapasiti efektifnya dapat mencapai 45% pada 31.12.2020.

Pengguna air di kawasan bekalan Empangan Teluk Bahang disarankan untuk menjimatkan air dan menggunakannya dengan berhemat.

Bantulah kami untuk memastikan Empangan Teluk Bahang dapat menyimpan air yang cukup pada akhir tahun untuk memenuhi keperluan bekalan air anda pada bulan-bulan kemarau 2021.

Jangan biarkan pili air yang mengalir begitu sahaja. Elakkan menggunakan hos untuk mencuci kenderaan anda, atau menyiram kebun dan pokok-pokok anda. Untuk lebih banyak tip jimat air, sila lawati www.pba.com.my.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my